

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

FATWA PENDERMAAN DAN PEMINDAHAN
ORGAN DAN TISU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

1. Pemindahan atau pendermaan organ dan tisu iaitu hati, paru-paru, buah pinggang, injap jantung, kulit atau tulang adalah:

Haram: Dalam keadaan tidak darurat

Harus: Dalam keadaan darurat

2. Pemindahan organ atau tisu ada dua keadaan:

a) Keadaan penderma masih hidup

- i. Menjalankan pemeriksaan perubatan dengan terperinci dan profesional oleh sekurang-kurangnya dua orang doktor pakar (Doktor Islam diutamakan) tentang kebaikan atau keburukan pemindahan ini, kejayaan dan kegagalan pemindahan.
- ii. Dengan kerelaan penderma tanpa paksaan (persetujuan para waris adalah amat digalakkan).
- iii. Sudah dipastikan kebaikan pemindahan tersebut.
- iv. Sudah dipastikan pemindahan itu berjaya pada kebiasaannya.
- v. Keadaan darurat yang mendesak bagi menyelamatkan nyawa orang yang menerima, terutama yang ada hubungan nasab dan keluarga.
- vi. Dilakukan pemindahan itu dengan disiplin ilmu, iman dan taqwa.
- vii. Organ yang dipindahkan bukan dijadikan dagangan dan jual beli. Dagangan dan jual beli hanya akan mengundang perbuatan jenayah yang memberi

mudarat kepada penerima, memberi keuntungan kepada orang tengah dan juga kesempatan kepada doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.

- viii. Kebenaran atau persetujuan bertulis daripada penderma, dan penderma boleh menarik balik pada bila-bila masa.
- ix. Organ yang diperlukan mempunyai lebih daripada satu seperti buah pinggang.

b) Keadaan penderma yang telah mati

- i. Menjalankan pemeriksaan perubatan dengan cara terperinci dan profesional oleh sekurang-kurangnya oleh dua orang doktor (doktor Islam diutamakan) tentang kebaikan atau keburukan pemindahan ini, kejayaan dan kegagalan pemindahan. Ia memerlukan pemeriksaan yang rapi.
- ii. Dengan kerelaan penderma melalui wasiat ataupun waris-warisnya atau perakuan daripada ulil amri (sekiranya tiada waris).
- iii. Sudah dipastikan pemindahan itu berjaya pada kebiasaannya atau dalam erti kata lain pemindahan itu dijamin berjaya.
- iv. Dilakukan pemindahan itu dengan disiplin ilmu, iman dan taqwa. Penghormatan yang sewajarnya pada si mati mengikut syara' serta tiada unsur-unsur penghinaan.
- v. Keadaan darurat yang mendesak bagi menyelamatkan nyawa orang yang menerima, (tiada pilihan lain) terutama yang ada hubungan nasab dan keluarga.
- vi. Organ yang dipindahkan tidak dijadikan barangan dagangan untuk jual beli. Dagangan dan jual beli hanya akan mengundang perbuatan jenayah yang memberi mudarat kepada penerima, memberi keuntungan kepada orang tengah dan juga kesempatan kepada doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.

Bertarikh 22 Syawal 1440 / 26 Jun 2019

[JMJ.351/04/01/6/54;PPUUNJ.(R).600-1/5/8(26)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD

Mufti Negeri Johor

HAJI ZAINAL BIN ERAN

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor